

14 FEB 1998
Malaysia-Singapura
DR MAHATHIR GESA SIKAP LEBIH BERTOLAK-ANSUR

SINGAPURA, 14 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelbagai masalah dua hala Malaysia-Singapura boleh diselesaikan jika kedua-dua pihak lebih bertolak ansur.

Dr Mahathir dipetik oleh akhbar The Straits Times sebagai berkata bahawa kedua-dua negara tidak seharusnya terlalu berkeras dengan kedudukan masing-masing.

Dalam temubual dengan The Straits Times dan Business Times Singapura di Kuala Lumpur semalam, menjelang lawatan Perdana Menteri Goh Chok Tong pada Isnin ini, Dr Mahathir berkata kedua-dua pihak harus bersedia menerima pendapat antara satu sama lain.

Menurut laporan The Straits Times itu, Dr Mahathir berkata bahawa perlu ada perkara yang kedua-dua negara boleh bertolak-ansur, jika tidak, tiada gunanya mereka berbincang.

"Kami bersedia untuk tidak terlalu berkeras dan kami mengharapkan kedua-dua pihak berbuat demikian...bersedia untuk menyerahkan sesuatu bagi mendapatkan sesuatu yang lain," katanya.

Dr Mahathir berkata ada kalangan di Singapura yang berpendapat bahawa Malaysia akan menghentikan bekalan air ke republik itu setelah tamatnya perjanjian yang sedia ada pada tahun 2061.

Ini, katanya, bukanlah menjadi hasrat Malaysia dan beliau bersedia untuk berunding jika ia tidak merugikan Malaysia.

"Kami tidak boleh bayangkan bagaimana kami pada satu tarikh nanti akan menutup segala suis. Ia akan menyebabkan malapetaka. Kami tidak berbuat demikian kepada jiran kami.

"Memanglah kami mahu memastikan apa manfaat yang akan kami perolehi apabila perjanjian baru dirundingkan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia mempunyai intepretasi yang berbeza mengenai Perkara-perkara yang Dipersetujui (POA) yang ditandatangani dengan Singapura pada 1990.

POA, yang ditandatangani oleh Perdana Menteri Singapura ketika itu Lee Kuan Yew dan Menteri Kewangan Malaysia ketika itu Tun Daim Zainuddin menggariskan syarat-syarat mengenai pembangunan dan status tanah yang dimiliki Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Singapura.

Dr Mahathir berkata bagaimanapun perbezaan pendapat mengenai POA tidak harus menjadi batu penghalang kepada hubungan lebih baik Singapura-Malaysia yang menjadi tegang ekoran kenyataan Menteri Kanan Lee tahun lepas mengenai kadar jenayah di Johor.

Beliau berkata Malaysia dan Singapura boleh menjalinkan hubungan yang lebih baik dan kedua-duanya boleh bersaing serta boleh pula saling melengkapi antara satu sama lain.

Dr Mahathir juga berkata keadaan hubungan dua hala kini adalah lebih baik berbanding tahun lepas.

Apabila ditanya mengenai kesan sejarah yang harus diketepikan daripada perpisahan kedua-dua negara pada 1965, beliau berkata: "Kita boleh mengetepikan atau melupakannya, tetapi kita tidak seharusnya mewujudkan masalah baru yang boleh merumitkan keadaan."

Business Times dalam laporannya memetik Dr Mahathir sebagai menyangkal tanggapan yang Malaysia mahu dilayan sebagai "abang" kepada Singapura.

"Kami tidak menganggap Singapura sebagai adik atau apa-apa pun seumpamanya.

"Saya telah diberitahu bahawa rakyat Singapura bersungut mengatakan

kami mahu dianggap sebagai abang mereka. Kami tidak mahu." -- BERNAMA
THG RON NMO